

06 JUL 1996

Tambak

SINGAPURA BELUM DIBERITAHU MENGENAI CADANGAN ROBOHKAN TAMBAK JOHOR

SINGAPURA, 6 Julai (Bernama) -- Singapura belum menerima sebarang maklumat mengenai kemungkinan merobohkan tambak Johor dan menggantikannya dengan sebuah jambatan.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menimbulkan kemungkinan menggantikan tambak itu dengan sebuah jambatan semasa beliau melancarkan projek JB Waterfront City di Johor Baharu semalam.

Mengulas kemungkinan itu, seorang jurucakap Kementerian Luar Singapura berkata di sini hari ini bahawa Singapura dan Malaysia selama ini menjalin hubungan yang mesra dan erat.

"Kita telah bekerjasama baik dalam banyak projek dua hala untuk kepentingan bersama," kata jurucakap itu.

Penandatanganan Perjanjian Sempadan Selat Johor pada Ogos 1995 dan pembinaan laluan kedua Malaysia dan Singapura yang sedang berjalan membuktikan kerjasama baik kedua-dua pihak menyeberangi Selat Johor.

Tambak itu menjadi penghubung penting antara Malaysia dan Singapura.

"Ia menjadi simbol penting dan satu manifestasi jelas hubungan istimewa dan mesra antara rakyat kedua-dua negara," kata jurucakap itu.

"Oleh itu kami akan memberikan pertimbangan teliti terhadap sebarang cadangan ke arah memperbaiki atau mempererat lagi hubungan antara Malaysia dan Singapura ini."

Industri perkapalan sementara itu memberi komen bahawa cadangan merobohkan tambak Johor akan memudahkan perkhidmatan feri berbanding kemudahan bagi kapal dagangan.

Menurut mereka di bahagian tertentu Selat Johor tidak cukup dalam untuk kapal-kapal besar.

Tambak Johor sepanjang 1.2 km itu yang dibina pada 1923 oleh Britain, dibuka pada Jun 1924 dan sehingga hari ini ia merupakan satu-satunya jalan dan landasan yang menghubungkan Singapura dan Malaysia.

Jambatan laluan kedua kini dibina oleh kerajaan Singapura dan Malaysia yang menghubungkan Tuas di Singapura dan Tanjung Kupang di Johor.

Link kedua itu dijadual siap akhir 1997.

Seperti yang dilaporkan awal tahun ini kerajaan negeri Johor sedang mengkaji kemungkinan membina laluan ketiga di sebelah timur negeri itu.

Universiti Teknologi Malaysia dilaporkan sedang menjalankan kajian kemungkinan sama ada sebuah terowong atau jambatan tinggi akan dibina untuk menghubungkan Tanjung Langsat di timur Johor dengan Singapura.

Selat Johor ke sebelah timur tambak itu kini merupakan jalan air yang sibuk dengan kapal-kapal menuju limbungan di Singapura dan Johor sementara di barat tambak itu, lalu lintas tidak banyak dan kebanyakannya merupakan kapal-kapal kecil.

Hari ini, kira-kira 100,000 orang menyeberangi tambak Johor setiap hari dari kedua-dua arah berbanding kira-kira 17,000 semasa kawalan imigresen dikenakan antara kedua-dua negara pada Julai 1967. -- BERNAMA

THG RON